Unit Komunikasi Korporat

KERATAN AKHBAR

AKHBAR	HARIAN METRO
TARIKH	11/1/2017
JABATAN	UMUM
KLASIFIKASI	PERHATIAN
MUKA SURAT	47

PENDUDUK Orang Asli Ledang bersama peguam mereka, Hannan (dua dari kanan) memfailkan saman terhadap kerajaan negeri dan tiga defendan lain di Mahkamah Tinggi Johor Bahru, semalam.

'Pagar' hak Orang Asli

600 penduduk saman kontraktor projek pembinaan dakwa ganggu tanah adat

Mohd Sabran Md Sani
sab@hmetro.com.my

Johor Bahru

Kira-kira 600 penduduk Orang Asli dari Kampung Sungai Air Tawas dan Kampung Tanah Gembur di Ledang memfailkan saman di Mahkamah Tinggi, di sini, semalam bagi menuntut projek pembinaan pagar oleh kontraktor dilantik di kawasan penempatan mereka sejak November lalu dihentikan.

Dua Tok Batin masing-masing Jengkeng Jani, 69, dan Mengek Achai, 56, selaku plaintif mengemukakan saman berkenaan melalui peguamnya, Hannan Isshak dari Tetuan Kamal Hisham & Associates di kaunter mahkamah berkenaan pada jam 9 pagi semalam.

Kedua-dua plaintif menamakan Zila Maju Enterprise selaku defendan pertama yang juga kontraktor utama bagi pembinaan pagar di pintu masuk dan parit di kawasan itu, diikuti tiga defendan lain iaitu Pengarah Perbadanan Taman Negara Johor, Kerajaan Negeri Johor dan Kerajaan Malaysia.

Berdasarkan saman yang difailkan itu, plaintif yang mewakili penduduk di dua perkampungan berkenaan memohon pengisytiharan bahawa mereka mempunyai hak milik Tanah Adat Asli dan pemilik tanah didiami ketika ini.

Plaintif turut memohon satu perintah menghalang kepada mana-mana pihak daripada memasuki atau melaksanakan sebarang kerja di tanah itu.

Sementara itu, ketika ditemui di luar mahkamah, Mengek yang mewakili Perkampungan Orang Asli Air Tawas mendakwa tindakan Perbadanan Taman Negara Johor membina pagar dan mengorek longkang di tanah Orang Asli sangat dikesali.

Malah dakwanya, tindakan itu mengancam kubur nenek moyang mereka, selain sukar melaksanakan kerja mencari hasil hutan seperti dilakukan sebelum ini.

"Kami juga tidak pernah diberikan notis memaklumkan kerja dilaksanakan Zila Maju Enterprise pada 30 November lalu.

"Sebaliknya hanya menyedari apabila pihak berkenaan menghantar jentera berat ke kampung itu pada 14 November lalu," katanya.

Selain dua kampung itu, turut terkesan penduduk di Kampung Sungai Mering.

Berdasarkan kronologi, tiga kampung Orang Asli terbabit dengan projek pembangunan Taman Negara Ledang dan membabitkan 784 orang penduduk.

Arahan tender projek dikeluarkan Perbadanan taman Negara Johor dengan tujuan memagar perkampungan dan longkang sempadan taman negara.

Kontraktor dilantik yang beralamat di Taman Bakri Mulia, Muar, Johor meletakkan jentera pada 14 November tahun lalu dan kerja dilaksanakan pada 27 Disember tahun sama berdasarkan notis dikeluarkan pada 30 November.

Berikutan itu, satu laporan polis dibuat penduduk bertarikh 27 Disember tahun lalu sebelum kerja dihentikan pertama kali oleh penduduk kampung pada 28 Disember tahun sama, malah projek itu dihalang tiga kali dengan tarikh terakhir pada 5 Januari lalu.

Kerja pembinaan itu membabitkan kerja memagar masuk di Kampung Sungai Mering, Kampung Tanah Gembur dengan membuat parit sempadan sejauh empat kilometer hingga ke Kampung Sungai Air Tawas Ledang seperti dikemukakan pemaju.

Berikutan itu Jawatankuasa Bertindak Orang Asli Ledang mendapati ia satu projek tidak masuk akal dengan mengurung Orang Asli di dalam pagar sedangkan kehidupan bebas berkebun dan merayau di dalam hutan dilakukan sejak turun temurun.

Pembinaan parit sempadan yang besar menghalang haiwan bebas bergerak di hutan dan menghalang Orang Asli memasuki kawasan Tanah Adat, selain projek itu mengancam perkuburan nenek moyang mereka kerana kawasan parit membabitkan lokasi itu.